

Perlu fokus bantu pesawah

Kerajaan negeri digesa lebih peka keperluan golongan itu

SUNGAI BESAR - Pesawah di Kampung Sungai Haji Dorani menggesa kerajaan negeri supaya lebih peka terhadap isu dan keperluan golongan itu terutama dalam soal penyelenggaraan parit saluran dan kemudahan pam air.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Parit 2 dan 3 Sungai Haji Dorani, Robai Sukhaimi berkata, kerajaan negeri perlu lebih bertanggungjawab dan fokus dalam membantu pesawah terutama dalam meningkatkan pengeluaran hasil tanaman itu.

Menurutnya, beberapa aspek perlu diberi penekanan terutama dalam soal penyelenggaraan parit di kawasan itu meskipun ia dilaksanakan empat kali setahun.

"Isu utama bila musim kemarau air tak cukup untuk disalurkan ke sawah. Banyak kawasan yang tak dapat bekalan hingga pesawah terpaksa tanggung kerugian," katanya.

Beliau berkata, kerajaan persekutuan telah membina Kolam Takungan Air Parit 4 Sungai Haji Dorani bagi menangani musim kemarau, namun keperluan pam yang disediakan kerajaan negeri untuk mengalirkan air ke palung dan parit sedia ada masih tidak



MARNON

mencukupi.

Pihaknya berharap kerajaan negeri menambah pam air terutama di kawasan rendah yang memerlukan bekalan air yang mencukupi untuk memastikan tanaman tidak bermasalah dan rosak.

"Kami dapat lihat terdapat beberapa pesawah berdepan kerugian apabila tanaman mereka tak dapat hidup akibat kekurangan air hingga memaksa mereka melakukan tanaman semula yang sudah tentu memerlukan kos tambahan," katanya.

Bagi pesawah, Marnon Mansor, 66, berkata, mereka amat berharap kerajaan negeri turun padang untuk mengetahui apakah permasalahan yang dihadapi pesawah terutama ketika berdepan ancaman cuaca panas.

"Kami harap kerajaan negeri tambah peruntukan un-

tuk beli pam air supaya dapat disalurkan ke kawasan sawah. Kadang-kadang kami terpaksa tunggu antara dua ke tiga hari untuk mendapatkan bekalan pam bagi mengalirkan air ke sawah.

"Kalaulah ini keadaannya, sudah tentu pengeluaran padi kami terjejas hingga mengakibatkan kerugian, lebih-lebih lagi, kami hanya bergantung kepada sumber pendapatan di bendang," katanya.

Manakala, Azhar Harun, 45, berkata, kerajaan negeri diminta pantau kerja dilaksanakan kontraktor bertanggungjawab dalam aspek penyelenggaraan parit yang didakwa dibuat sambil lewa.

Menurutnya, kerja yang dijalankan sesetengah kontraktor kurang menyenangkan penduduk apabila rumput dipotong tidak dibuang ke tempat yang lebih jauh daripada parit.

"Mereka potong rumput, kemudian letak tak sampai satu meter dari tepi parit. Bila hujan, rumput jatuh semula dalam parit. Saya syorkan, mereka buanglah di tempat lain.

"Malah, saya difahamkan mereka guna racun untuk matikan pokok di dalam parit, sedangkan penggunaan racun menjejaskan ekosistem yang ada di dalamnya," katanya.



Sebahagian pesawah mahu kerajaan negeri bantu selesaikan masalah sistem saluran parit dan pam bagi mengalirkan air ke sawah.